

11/09/1998

IMF: Tindakan kerajaan dipuji

Salina Abdullah in Kalmar (Sweden)

KALMAR (Sweden), Khamis - Tindakan Malaysia tidak menerima bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan menolak syarat yang ditetapkannya untuk menangani kegawatan ekonomi sekarang adalah satu langkah bijak dan wajar.

Fellow Penyelidik Jabatan Penyelidikan Keamanan dan Pembangunan, Universiti Goteborg, di sini, Hans Abrahamsson, berkata Malaysia tidak mempunyai belanjawan begitu besar sehingga memerlukan dasar ketat seperti digariskan IMF.

"Ekonomi Malaysia kukuh walaupun sedang mengalami kegawatan ekonomi ketika ini. Malaysia tidak memerlukan syarat IMF, tetapi mungkin memerlukan kredit, termasuk kredit antarabangsa," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Abrahamsson berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai fakta yang kukuh apabila mengemukakan keadaan ekonomi Malaysia dan menyuarakan kelemahan syarat IMF kepada dunia.

Menurutnya, kelantangan dan keberanian Perdana Menteri itu sememangnya tidak disukai negara Barat kerana beliau menunjukkan kepada dunia di mana masalah ekonomi ini bermula.

"Ahli akademik dan pakar ekonomi di sini kagum dengan Dr Mahathir dan berdasarkan kajian kami, tindakan beliau benar dan wajar. Namun, ini hanyalah sokongan moral.

"Saya tidak fikir Menteri Kewangan Sweden atau kerajaan Sweden berpendapat serupa dan bersedia memberi bantuan kepada Malaysia.

"Oleh itu, Dr Mahathir perlu tahu kekuatan ekonomi Malaysia dalam pasaran kewangan dan sekuat mana sokongan negara luar," katanya.

Abrahamsson berkata, melihat kepada realiti suasana ekonomi ketika ini yang bergantung kepada pasaran kewangan (yang dikawal negara Barat), ia mungkin mendesak Malaysia untuk menerima bantuan dan syarat IMF.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri mempunyai tugas amat berat dan beliau memerlukan segala bentuk sokongan untuk menentang IMF dan memulihkan ekonomi negara.

(END)